

Headline	Hiasan Krismas guna belon berjaya pecah rekod
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak
Date	12 Dec 2016
Language	Malay
Section	News
Color	Full Color
Page No	7



Hiasan Krismas guna belon berjaya pecah rekod

Oleh Agnes Tugong

KUCHING: Hiasan Krismas terbesar menggunakan belon bertemakan 'Boulevard Christmas in Balloon Fairylend 2016' berjaya memecah Malaysia Book of Records.

Rekod baharu ini merupakan kali lagi insiatif pusat beli-belah Boulevard dengan kerjasama De Jackie Inspirations sempena sambutan perayaan Krismas.

Penyerahan sijil kepada pihak pengajar telah disampaikan oleh wakil Malaysia Book of Records Nurasyikin Ramli diaksikana Datuk

Bandar Majlis Bandaraya Kuching Selatan Datuk James Chan.

Berucap pada majlis itu, Chan memuji usaha pihak pengurusan Boulevard dan De Jackie Inspirations atas kejayaan itu.

Malah beliau turut difahamkan bahawa acara berkenaan turut menarik penyertaan daripada peserta luar negara seperti Taiwan, Thailand, Hong Kong, Vietnam, Jepun, China dan Malaysia.

Hiasan Krismas belon gergasi dicipta dengan panjang 46.1 meter dan lebar 18.1 meter sekaligus gergasi guna

memecah rekod yang dicipta pada 2013.

Seramai 42 orang tukang belon terlibat dalam menjayakan hiasan Krismas ini sendiri daripada negara seperti yang dinyatakan di atas.

Ciptaan Krismas ini dibuka bermula kelmarin hingga 26 Disember ini untuk pengunjung merasai sendiri pengalaman berada dalam dunia karyangan.

Sembilan tema karakter dongeng diketengahkan dalam belon gergasi ini iaitu Cinderella, Alice in the Wonderland, Little Mermaid, Aladdin, Snow White dan Seven Dwarfs, Peter Pan, Frozen, Pied Piper and Pinocchio.

'Boulevard Christmas in Balloon Fairylend' dibuka setiap hari bermula 10 pagi hingga 10 malam dengan tiket pada harga RM5.

Kutipan daripada jualan tiket akan disumbangkan kepada tiga badan amal iaitu MAA Medicare Charity Dialysis Centre, Wisherland dan SSPCA.

Salah satu daripada tumpuan pada acara pembukaan kelmarin ialah pertandingan pertunjukan gaun belon yang dimenangi oleh peserta dari Thailand dan China di tempat kedua.



PEMENANG: Chan (kiri) dan Pengarah De Jackie Inspirations Jackie Tan (dua kiri) merakam gambar bersama pememenang pertandingan seni arca belon.

Headline	Hiasan Krismas guna belon berjaya pecah rekod
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak
Date	12 Dec 2016
Language	Malay
Section	News
Color	Full Color
Page No	7



GAUN BELON: Model memperagakan gaun daripada belon ciptaan peserta dari Thailand yang memenangi pertandingan di Boulevard kelmarin.



Headline	Hiasan Krismas guna belon berjaya pecah rekod
MediaTitle	Utusan Borneo Sarawak
Date	12 Dec 2016
Language	Malay
Section	News
Color	Full Color
Page No	7

